

# Muhyiddin buat pusingan U tawar tanding presiden sepenggal lagi

Pengerusi PN  
akur permintaan  
khidmat  
bakti masih  
diperlukan

Oleh Muhammad Yusri  
Muzamir dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Sehari selepas mengumumkan tidak akan mempertahankan jawatan Presiden BERSATU pada pemilihan tahun depan, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini membuat pusingan U apabila memaklumkan hasratnya untuk kembali bertanding.

Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu bagaimanapun menjelaskan, keputusan terbaharu itu dibuat selepas berbincang dengan isterinya, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman yang mahu beliau terus mencurahkan khidmat kepada negara.

“Sebenarnya, kuasa paling besar yang saya hendak sebutkan di sini bukan perhimpunan agung tahunan. Kuasa besar (sehingga keputusan itu dibuat) tidak lain adalah isteri saya.

“Isteri saya hadir (pada perhimpunan BERSATU) sejak beberapa hari lalu dan duduk sampai akhir... hari ini (semalam) pun sama.

“Dia mesej saya. *Stay another term* (kekal satu penggal lagi). *They need you* (mereka memerlukan awak). Mereka ikhlas, yang (panggilan merujuk kepada Muhyiddin).

“Saya jawab *yes, I know* (ya,

saya tahu). Isteri saya cakap, *carry on* (teruskan), saya restu kerana BERSATU *still need you* (masih memerlukan awak), masih belum kuat katanya.

“Jadi, saya jawab kepada dia, ‘baiklah, saya akan kekal hingga akhir penggal’. Kemudian, dia (isteri) jawab Alhamdulillah’ Dia cakap terima kasih dan ini untuk negara. *Abah must stay on* (mesti kekal).

“Jadi, saya nak nyatakan atas niat baik semua, barisan pimpinan dan semua (perwakilan) di sini dan (ahli) di luar... saya buat keputusan untuk menawarkan diri bertanding jawatan presiden pada pemilihan nanti,” katanya ketika menyampaikan ucapan penangguhan Perhimpunan Agung Tahunan BERSATU Kali Ke-6 di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC), di sini, semalam.

Kelmarin, Muhyiddin dalam ucapan dasar presiden membuat kejutan dengan mengumumkan keputusan tidak mempertahankan jawatannya itu pada pemilihan parti akan datang, dengan alasan mahu memberi ruang kepada pemimpin pelapis berpengalaman untuk mengambil alih kepemimpinan mengikut proses demokrasi, selain meneruskan agenda perjuangan parti.

Pada petang hari sama, Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU mengadakan mesyuarat khas dipengerusikan Timbalan Presiden, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, sebelum sebulat suara menolak keputusan Muhyiddin untuk tidak bertanding itu.

Dalam pada itu, Muhyiddin melalui ucapan penangguhan mahu seluruh barisan MPT dan ahli BERSATU menyatakan taat setia kepadanya melalui ikatan baiah, sekali gus memberi dukungan



Muhyiddin pada Perhimpunan Agung Tahunan BERSATU 2023 di Shah Alam, semalam. (Foto Azhar Ramli/BH)

kepada parti untuk menakluki Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

“Saya hendak ahli berbaih kepada saya, tidak lain dengan nama Allah SWT...Wallahi, Wabilahi, Watallahi akan terus beristiqamah mendukung BERSATU supaya berjaya pergi ke Putrajaya,” katanya.

## Ahli perlu rapatkan saf

Muhyiddin turut menggesa setiap ahli BERSATU sentiasa rapat dan mengukuhkan saf dengan bersama memikul tanggungjawab tanpa mengira jawatan serta peringkat.

“Ada orang membandingkan

kita dengan PAS... nak bandingkan epal dengan epal tidak boleh juga kerana PAS sudah wujud 72 tahun.

“Kita baru tujuh tahun tetapi kita boleh buat walaupun usia tidak sampai sedekad. Tidak jauh kita dengan kekuatan PAS.

“Pada PRU lalu, parti kita tidak sekuat PAS. Saya tidak mahu bandingkan itu. Kalau tidak kerana kita, PAS tak sampai lebih dari hari ini.

“Kalau kita tidak bersama PAS, kita pula tak capai (ke tahap) sampai hari ini. Ini kerana kita saling memerlukan antara satu sama lain.

“Kalau saya beri arahan baharu

bahawa saya nak tahun depan keahlian kita melangkaui sejuta ahli, boleh atau tidak? Kalau boleh, usahakan dalam setahun ke hadapan lagi.

“Tambah lagi 400,000 ahli dengan seorang ahli cari seorang ahli baharu. Maka, parti kita akan dilihat lebih kukuh.

“Tambah juga cawangan. Saya nak ulang lagi, sekarang sudah ada 7,000 cawangan.

“Kenapa tidak jadikan 10,000 cawangan. Ada bahagian, cawangan baharu ada sekitar satu hingga tiga saja.

“Saya nak melihat cawangan bertambah sampai 12,000,” katanya.